

Perjuangan nelayan cari rezeki di bulan Ramadan



Walaupun umat Islam sedang menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadan, namun masih ada yang perlu bekerja untuk menampung kehidupan seharian.

Tidak terkecuali, golongan nelayan yang membanting tulang mencari rezeki sepanjang bulan yang suci ini dan kerana merekalah kita dapat menikmati hasil laut segar.

Nurul Azmi Mohamed Daud, 34, merupakan seorang nelayan darat sedang membaiki enjin botnya di Kampung Sungai Galah, Kampung Gajah, Pasir Salak sebelum turun ke sungai untuk mencari rezeki dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



PERAK



KEDAH

Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah menerima pesanan membekalkan sebanyak 400 kilogram ikan kembung untuk diagihkan kepada penduduk Kampung Tawar, Baling baru-baru ini. Persatuan tersebut bersedia menerima pesanan mana-mana pihak yang mahu bersedekah dan menghantar bekalan ikan tersebut.



NEGERI SEMBILAN

Sebahagian nelayan di Port Dickson dan Lukut yang turun ke laut bagi mencari rezeki perairan Port Dickson.



PAHANG

Nelayan dari Beserah, Ahmad Roslan, 49, (kanan) dan pekerjainya ketika tiba di Jeti Nelayan Beserah bersama lebih lima kilogram sotong yang dicandat di perairan Pahang.



SELANGOR

Seorang nelayan, Muhammad Ramadan Syariduddin, 20, menunjukkan rezeki Ramadan apabila memperoleh kira-kira 25 kilogram ikan bawal putih yang berjaya dinaikkan di Pangkalan Nelayan Jalan Genting, Batu 4, Rantau Panjang, Klang semalam.



TERENGGANU

Nelayan pesisir pantai di Kampung Air Tawar, Besut keluar menangkap ikan. Mereka keluar ke laut mencari rezeki seperti biasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



MELAKA

Sebahagian nelayan Tanah Merah, Pantai Puteri di sini berkumpul bersama di tepi pantai sebelum menerima bantuan kit makanan ketika Hari Bersama Keluarga Nelayan semalam.



KELANTAN

Puasa tidak membataskan nelayan di negeri ini untuk meneruskan kerja-kerja rutin mereka termasuk membersihkan kapal, perahu dan juga menyelenggara peralatan untuk turun ke laut. Kelihatan nelayan yang berlabuh di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Geting, Tumpat sibuk memeriksa pukat yang digunakan untuk menangkap hasil laut.